

Kadar tol: Pengguna bayar separuh



B.H. 12 JAN 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Pengguna lebuhraya hanya membayar separuh daripada kadar tol yang dikenakan manakala bakinya ditanggung oleh kerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, tanggungan kerajaan adalah dalam bentuk subsidi kepada Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad (Plus) seperti melalui pinjaman kredit dengan faedah rendah.

Menurut Perdana Menteri, kadar tol di negara ini paling rendah walaupun pengguna sebenarnya melalui lebuhraya setaraf negara maju.

"Di negara maju, tol digunakan sepenuhnya untuk meningkatkan mutu dan menambah lebuhraya tanpa sebarang subsidi daripada kerajaan. Di sini, kita kenakan tol yang rendah kerana ada unsur subsidi daripada kerajaan.

"Umpamanya, kita jual semua jalan kepada Plus mengikut harga pasaran. Jika Plus mahu mendapat keuntungan yang berpatutan, Plus terpaksa kenakan harga tol yang tinggi.

"Oleh itu, kita jual jalan itu dan beri pinjaman kewangan kepada Plus dengan faedah rendah. Dengan itu tol yang dikenakan adalah berpatutan untuk membayar kos pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya.

"Inilah sebabnya kita boleh membina lebuhraya sama taraf dengan negara maju, tetapi kadar tol adalah rendah," katanya.

Perdana Menteri diminta mengulas rungutan orang ramai bahawa kenaikan kadar baru tol berkuatkuasa 1 Januari lalu, terlalu tinggi.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Lebuhraya Baru Lembah Klang, di Plaza Tol Jalan Duta, hari ini.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, adalah tidak wajar membebaskan pemilik kenderaan dengan menaikkan cukai jalan dan petrol semata-mata untuk mewujudkan rangkaian lebuhraya yang baik.

"Dengan mengadakan sistem tol, pengguna yang menggunakan lebuhraya saja yang membayar.

"Ini bermakna beban pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya dipikul hanya oleh mereka yang menggunakan lebuhraya saja.

"Kita juga mesti menerima hakikat kos binaan dan penyelenggaraan jalan raya sentiasa meningkat. Dalam keadaan ini, bayaran tol akan dinaikkan dari semasa ke semasa," katanya.

Mengulas mengenai kesesakan jalan raya di ibu negara, Dr Mahathir mengulangi semua syarikat bas yang beroperasi di sini akan digabungkan untuk memastikan tidak ada pertindihan laluan yang selama ini menyebabkan kesesakan jalan raya, terutama di pusat bandar.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur Kuala Lumpur, berkata kerajaan turut mengkaji kedudukan syarikat bas dari kawasan luar dan kekerapannya me-

LIHAT MUKA 2

Pengguna perlu masuk kenderaan awam

DARI MUKA 1

masuk ibu negara.

Dr Mahathir berkata, kesanggupan pengguna menaiki pengangkutan awam untuk berulang-alik ke tempat kerja atau menuju destinasi tertentu di pusat bandaraya, boleh mengurangkan kesesakan jalan raya.

Beliau berkata, sistem Rel Transit Ringan (LRT) adalah satu cara yang dapat mengatasi masalah kesesakan di ibu negara apabila dilaksanakan kelak. Selain itu, pengguna digalakkan berkongsi kereta ke tempat kerja.

"Kalau pengguna sanggup membayar tambang kenderaan pengangkutan awam yang tinggi, sudah lama masalah kesesakan diatasi kerana selagi kita tidak ada sistem LRT, saya yakin masalah kesesakan akan berterusan," katanya.

Beliau berkata, empat sistem pengangkutan awam akan dilaksanakan di Kuala Lumpur dan pusat bandaraya.

Pertama, keretapi yang menggunakan landasan berkembar membabitkan laluan Rawang-Kuala Lumpur-Seremban dan Kuala Lumpur-Pelabuhan Klang. Kedua, sistem LRT di kawasan bandaraya untuk mengangkut penumpang ke tempat kerja. Ketiga, sistem monorel melalui laluan mengelilingi bandaraya manakala sistem keempat ialah bas awam.

"Satu hakikat yang mesti diterima oleh orang ramai bahawa di zaman moden ini kita tidak boleh memandu terus ke tempat yang dituju. Kenderaan mesti ditinggalkan di satu tempat dan kemudian menggunakan pengangkutan awam menuju pusat bandaraya," katanya.